

RESEARCH ARTICLE

PEMBINAAN, KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN MODUL KAUNSELING KELOMPOK BERDASARKAN TEKNIK SURAH LUKMAN (AYAT 12 HINGGA 19) TERHADAP MURID SEKOLAH MENENGAH

(Construction, Validity and Reliability of a Group Counseling Module Based on the Technique of Surah Lukman (verses 12 to 19) in Secondary School Students)

Mohd Ropizam bin Mohamad Zainun^{1*}, Muhammad Nubli bin Abdul Wahab¹, Abdul Rashid Bin Abdul Aziz²

¹Center for Human Sciences, Universiti Malaysia Pahang, 26600 Pahang, Malaysia

²Faculty of Leadership and Management, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai 71800 Nilai Negeri Sembilan, Malaysia

ABSTRAK - Kaunseling kelompok merupakan proses penting dalam program bimbingan perubahan tingkah laku. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk membangunkan Modul Kaunseling Kelompok Berdasarkan Teknik Surah Lukman (ayat 12 hingga 19) Terhadap Murid Sekolah Menengah. Modul ini mengandungi 8 komponen utama iaitu konsep bersyukur, kemantapan akidah, nasihat secara berhikmah, penjelasan tentang ganjaran pahala dan dosa, bimbingan menunaikan solat, larangan bertingkah laku sombong dan membangga diri, cara berjalan, dan sentiasa mengingati tentang pengakhiran hidup. Melalui lapan aspek hikmah ini dibangunkan lapan aktiviti utama yang merangkumi elemen ibadah, akidah dan akhlak untuk membantu murid membuat perubahan tingkah laku positif. Pembangunan modul ini yang menggabungkan pelbagai bidang teras utama ilmu psikologi, kaunseling, dan agama dapat meningkatkan profesional perkhidmatan kaunseling di Malaysia bagi membantu murid sekolah membuat perubahan tingkah laku positif. Kesahan modul ini dijalankan oleh 10 orang pakar dalam pelbagai bidang kaunseling dan psikologi pendidikan. Modul ini telah diuji terhadap 30 orang murid sekolah menengah dalam tempoh dua bulan secara berturut-turut. Hasil maklum balas daripada pakar penilai, modul ini sesuai digunakan terhadap sampel murid. Keberkesanan modul ini terhadap murid telah dinilai melalui data koheran biomaklumbalas untuk melihat kesan perubahan hati yang dilakukan oleh murid setelah melalui aktiviti dalam modul ini.

ABSTRACT - Group counseling is an important process in behavior change guidance programs. The purpose of this study was to develop a Group Counseling Module Based on the Technique of Surah Lukman (verses 12 to 19) for Secondary School Students. This module contains 8 main components which are the concept of gratitude, solidity of belief, wise advice, explanation of rewards and sins, guidance in performing prayers, prohibition of arrogant and boastful behavior, how to walk, and always remember about the end of life. Through these eight aspects of wisdom, eight main activities are developed that include elements of worship, faith and morals to help students make positive behavioral changes. The development of this module that combines various core areas of psychology, counseling, and religion can improve counseling service professionals in Malaysia to help school students make positive behavioral changes. Validation of this module was carried out by 10 experts in various fields of counseling and educational psychology. This module was tested on 30 high school students in a period of two consecutive months. As a result of feedback from expert assessors, this module is suitable for use with a sample of students. The effectiveness of this module on students has been evaluated through biofeedback coherence data to see the effect of a change of heart made by students after going through the activities in this module.

1.0 PENGENALAN

Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling ditubuhkan adalah bagi membantu meningkatkan sahsiah, disiplin, pengurusan kerjaya pelajar, kesejahteraan diri. Perubahan diri pelajar ke arah kemenjadian positif merupakan salah satu agenda utama pendidikan negara. Pendidikan perlu memainkan peranan yang penting dalam membina nilai positif terhadap masyarakat ke arah menuju matlamat negara maju (Sapie dan Suhana, 2018). Menurut al-Qurtubi (2008), anak-

ARTICLE HISTORY

Received : 25th July 2023

Revised : 09th Sept..2023

Accepted : 24th Oct. 2023

Published : 30th Oct. 2023

KEYWORDS

Module reliability,

Group counselling,

Surah Lukman,

Secondary school,

anak adalah perhiasan kehidupan dunia kerana mengandungi keindahan, manfaat daripada kekuatan dan pertahanan yang terdapat padanya. Namun begitu, anak yang memiliki amalan soleh lebih utama dan kekal pahalanya untuk diharapkan daripada berbangga dengan harta dan keturunan. Menurut al-Thobari (2009), amalan-amalan cara hidup yang baik yang kekal lagi soleh adalah lebih baik pahalanya di sisi Allah SWT daripada berbangga dengan keturunan dan harta yang banyak.

Kaunseling kelompok merupakan satu bentuk perhubungan menolong yang memerlukan interaksi antara ahli kelompok. Zuraidah (2004) menyatakan kaunseling kelompok ialah satu pendekatan yang boleh digunakan oleh kaunselor terlatih untuk menyediakan satu perhubungan menolong yang berkesan kepada beberapa orang individu biasa yang sedang berhadapan dengan isu-isu sehari-hari yang normal dalam satu jangka masayang sama. Kaunseling kelompok memfokus kepada perhubungan, perkembangan dan matlamat semua ahli yang terlibat dalam sesi berkenaan (Corey, Corey & Corey, 2018). Intervensi yang dijalankan didalam kelompok merupakan elemen penting terhadap perubahan tingkah laku individu yang mendapat sokongan daripada pengalaman ahli-ahli kelompok. Perkongsian pengalaman ahli yang berlaku hasil dari perhubungan sesama ahli dapat menjadi inspirasi atau jalan keluar terhadap isu peribadi, sosial, ataupun kerjaya yang dihadapi oleh ahli kelompok lain (Gladding, 2008). Kaunseling kelompok mampu memberikan impak yang positif kepada remaja dari aspek pencegahan, perkembangan, adaptasi, penyembuhan dan rawatan (Fauziah, Fatimah, Salina & Nasrudin, 2014). Kaunseling kelompok melibatkan fungsi terapi, realiti, katarsis, saling percaya mempercayai, menyayangi, penerimaan dan sokong menyokong (Gazda et al, 2001). Rudestam (1982) pula memasukkan elemen perasaan dimana setiap ahli kelompok akan mengalami perasaan kepunyaan yang merupakan satu keperluan asas manusia (Maslow 1968). Gladding (2008) menyatakan kaunseling kelompok sebagai bersifat pencegahan, perkembangan dan penyembuhan serta mempunyai kesan rawatan yang efektif.

Islam mempunyai pendekatan tersendiri dalam membentuk perubahan tingkah laku manusia. Dalam Islam, aspek pembinaan personaliti diri melalui disiplin ilmu telah dihuraikan dengan lengkap di dalam Al-Quran melalui surah Lukman (ayat ke 12 hingga 19) yang menjelaskan bahawa peranan seorang pendidik amat penting bagi memberikan tunjuk ajar pendidikan akhlak yang terbaik kepada seorang individu lain. Md Noor Saper (2016) membuktikan modul keagamaan khususnya dari perspektif Islam boleh dibangunkan secara empirical berdasarkan garus panduan dan prosedur pembinaan modul yang sempurna. Ramli (1997) dan Haron Din (2007) menjelaskan aspek spiritual daripada perspektif Islam bukan sekadar satu sistem kepercayaan kepada Tuhan tetapi ia dikenali sebagai ál-din' iaitu

merangkumi satu sistem kehidupan yang menyeluruh yang mempunyai peraturan dan syariat. Kaunseling dalam istilaah Arab pula merujuk kepada ál-*irsyad'* atau ál-*istisyarah'*.

Nur Naiyyah (2014), menyatakan bahawa diantara aspek penting dalam pendidikan surah Luqman yang tidak dapat dinafikan dalam ilmu pendidikan adalah pendidikan akidah kerana ia akan menjamin kehidupan yang baik pada masa akan datang. Akidah ternyata mampu memacu kehidupan seseorang untuk mencapai tahap terbaik seterusnya meningkatkan keimanan terhadap Allah swt. Menurut Hassan Langgulung (1987), pendidikan dapat ditinjau dari dua segi. Pertama dari sudut pandangan masyarakat dan keduanya dari segi pandangan individu. Kandungan surah Lukman terbukti jelas mengandungi petunjuk daripada Allah swt menerusi hamba-Nya, Luqman, yang telah dikurniakan hikmah dalam tutur kata ketika memberi pengajaran kepada anaknya yang mengandungi panduan dalam membentuk sahsiah anak.

Rosnaini Hamid *et al.* (2004), juga menyatakan bahawa pendidikan Luqman menjelaskan tentang cara untuk berinteraksi dengan Allah swt dan sesama manusia, kedua-dua hubungan ini menjamin kesejahteraan dan keredaan Allah swt di dunia dan akhirat. Ghazali (2012) pula menjelaskan bahawa dalam konteks ilmu pendidikan, Allah swt telah memberikan isyarat kepada seluruh manusia bahawa Dialah yang menjadi sumber pendidikan utama namun masih ramai manusia yang mengabaikan perkara terpenting ini dan menjadikan sumber lain sebagai rujukan dalam sistem pendidikan. Pembangunan modul hikmah seperti yang terdapat didalam surah Lukman (ayat 12 hingga 19) dilihat dapat memberikan impak positif yang berkesan terhadap matlamat proses kaunseling kelompok sedia ada yang diamalkan di sekolah pada masa kini.

Kajian menunjukkan pendekatan kaunseling berkonsepkan Islam penting dan telah terdapat pembuktian keberkesanannya dalam amalan kaunseling. Pendekatan kaunseling Islam semakin mendapat tempat dalam pelaksanaan kaunseling kelompok. Menurut Amir Awang (2016), Kaunseling Islam telah mula diperkenalkan sekitar tahun 80an di Malaysia oleh beberapa tokoh seperti Hasan Langgulung, Halim Othman, Amir Awang dan Kamal Abdul Manaf. Kemudian, muncul beberapa tokoh lagi antaranya Wan Hussein@Wan Azmi Wan Abdul Kadir, Aziz Salleh dan Amaluddin Abdul Rahman yang mula menulis buku-buku berkaitan Kaunseling Islam. Bukan sekadar itu, bahkan terdapat juga beberapa pandangan tokoh Islam tentang ilmu psikologi namun masih tidak digunakan dengan begitu meluas dalam amalan kaunseling pada hari ini. Antaranya adalah pandangan al-Ghazali dan Ibn Qayyim al-Jawziyah yang mengupas tentang personaliti manusia, teori perkembangan manusia yang pernah diutarakan oleh Miskawayh dan dapatan-dapatan al-Tabari dan Ibnu Sina berkaitan psikoterapi dan juga pandangan yang diutarakan oleh al-Balkhi tentang pemusatan klien (sebelum Rogers memperkatakannya). Justeru, dapatan-dapatan ini menunjukkan bahawa pendekatan intervensi menggunakan elemen agama sangat penting dalam membantu individu untuk membuat perubahan tingkah laku.


2.0 OBJEKTIF KAJIAN

- 1) Membangunkan Modul Kaunseling Kelompok Berdasarkan Teknik Surah Lukman (ayat 12 hingga 19) terhadap murid sekolah menengah.
- 2) Mengkaji kesahan kandungan keseluruhan modul oleh pakar.
- 3) Mengkaji nilai kebolehpercayaan modul secara keseluruhan.

3.0 KERANGKA TEORI


Surah Lukman mempunyai nilai hikmah pendidikan yang unggul dan dapat membantu manusia untuk membuat perubahan kehidupan yang lebih baik. Ini terbukti apabila terdapat kajian-kajian lepas yang menjalankan penyelidikan tentang hikmah yang terdapat dalam pendidikan surah Lukman (ayat 12 hingga 19). Antaranya adalah kajian yang bertajuk Pembentukan Sahsiah Anak Soleh Berdasarkan Surah Luqman Di Sekolah Rendah Islam Hidayah yang dijalankan oleh Muhamad Ridzuan Bin Zakaria pada tahun 2017, kajian Nilai Pendidikan Islam dalam Qur'an Surah Luqman Ayat 1-19: Tinjauan Kognitif, Afektif, dan Psikomotorik oleh Nurhadia Fitri dan Mahsyar Idris tahun 2019.

Di samping itu juga, terdapat kajian lain yang dijalankan antaranya bertajuk Pendidikan Anak Dalam Keluarga Menurut Al-Quran Kajian Surah Al-Luqman Ayat 13-18 yang dijalankan oleh Purwatiningsih, Fachrur Razi Amir,Muhammad Khoiruddin tahun 2016, kajian bertajuk Lukman Al Hakim Messages: A Theoretical Model on How to Teach In Modern Era yang dijalankan oleh Abur Hamdi Usman tahun 2015, Methods On Moral Development Of Teenagers By Luqman Al-Hakim: Application In Religious School Programs oleh Khairani binti Zakariya @ Abd Hamid tahun 2013, dan kajian berjudul Mesej Komunikasi Keluarga dalam Surah Luqman yang dijalankan oleh Safinah Ismail, Rosmawati Mohammad Rasit, Zulkifli Aini pada tahun 2019.



Rajah 1. Kerangka teori pendidikan Surah Lukman

Berikut merupakan reka bentuk modul kaunseling kelompok menggunakan teknik surah Lukman (ayat 12 hingga 19);



Rajah 2. Reka bentuk modul

3.1 Teknik utama surah lukman

Teknik-teknik yang terdapat dalam surah Lukman (ayat 12 hingga 19) dibahagikan kepada 3 elemen utama iaitu teknik akidah (kognitif), teknik ibadah (psikomotor) dan teknik akhlak (afektif). Jadual 1 menunjukkan teknik dan huraian yang digariskan dalam modul:

Jadual 1. Teknik Surah Lukman (ayat 12 hingga 19)

Bil.	Teknik Surah Lukman	Huraian Teknik
1.	Teknik Akidah (Kognitif)	<ul style="list-style-type: none"> i. Konsep tauhid. ii. Konsep bersyukur iii. Utamakan sesuatu urusan yang penting dahulu iaitu akidah, kemudian ibadah dan seterusnya akhlak. iv. Larangan syirik kepada Allah SWT.

Jadual 1. (samb.)

Bil.	Teknik Surah Lukman	Huraian Teknik
2.	Teknik Ibadah (Psikomotor)	<ul style="list-style-type: none"> i. Solat sebagai tiang agama dan perkara paling asas dalam kehidupan. ii. Hubungan solat dengan kesabaran dalam melakukan kebaikan dan meninggalkan perkara yang buruk dalam kehidupan. iii. Hubungan solat untuk melairkan keperibadian sahsiah yang tinggi bagi setiap individu, dan individu yang merendah diri dalam kehidupan. iv. Menyeru kepada kebaikan dan mengalah sesuatu perkara mungkar.
3.	Teknik Akhlak (Afektif/Emosi)	<ul style="list-style-type: none"> i. Berbuat baik kepada ibu bapa ii. Merendahkan suara ketika bercakap (bercakap mengikut kadar keperluan sahaja), lunakkan suara ketika bercakap. iii. Tidak bersifat sombang dan membangga diri iv. Sabar menghadapi kesusahan dan kesulitan ketika hendak melakukan kebaikan. v. Larangan bertingkah laku negatif.

3.2 Prinsip Pendidikan Surah Lukman

Lukman menekankan beberapa prinsip penting dalam mendidik bagi memastikan proses mendidik individu dapat diterapkan secara berkesan. Jadual 2 menunjukkan prinsip-prinsip yang terdapat dalam pendidikan berdasarkan surah Lukman;

Jadual 2. Prinsip Pendidikan Surah Lukman

Bil.	Prinsip Teknik Surah Lukman	Perbincangan
1.	Bersyukur	<p>Bersyukur dengan hati, bersyukur dengan lisan dengan mengucapkan “Alhamdulillah”, dan bersyukur dengan amalan ketaatan kepada Allah SWT. Terdapat 5 asas dalam mendidik individu untuk bersyukur iaitu;</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Bersyukur melalui tunduk dan patuh kepada Allah SWT. ii. Bersyukur dengan mencintai Allah SWT. iii. Bersyukur dengan mengiktiraf segala nikmat kurniaan Allah SWT. iv. Bersyukur dengan cara memuji Allah SWT. v. Bersyukur dengan cara tidak menyalahgunakan nikmat Allah SWT.
2.	Aqidah tidak syirik kepada Allah	<p>Perbuatan syirik kepada Allah SWT merupakan satu perbuatan dosa besar dan zalim. Ini kerana syirik merupakan satu perbuatan yang tiidak meletakkan sesuatu pada tempatnya dan meminggirkan Allah SWT sebagai tuhan sekalian alam. Menurut Ibnu Kathir, syirik merupakan sebesar-besarnya dosa dan seburuk-buruk jenayah. Ini kerana perbuatan syirik adalah memperseketukan Allah SWT, menganiaya diri sendiri bahkan merosakkan pemikiran (kognitif) diri sendiri.</p>
3.	Nasihat berhikmah	<p>Pendidikan memberi nasihat yang terdapat didalam Surah Lukman adalah penggunaan tutur kata secara berhikmah yang lembut ketika memberi kesedaran, peringatan dan soal menyentuh perasaan (emosi) individu. Pendidikan nasihat melalui kata-kata yang lembut dapat dilihat dengan jelas melalui dialog yang dituturkan oleh Lukman terhadap anaknya; “Wahai anak kesayanganku, atau wahai buah hatiku”.</p>
4.	Penjelasan tentang ganjaran pahala dan dosa	<p>Lukman memberitahu kepada anaknya dengan jelas; “Wahai anak kesayanganku, sesungguhnya jika ada sesuatu perkara (baik atau buruk) seberat biji sawi sekalipun, serta yang tersembunyi didalam batu besar atau dilangit atau dibumi sudah tetap akan dibawa oleh Allah SWT (untuk dibicara dan dibalas). Ini jelas menunjukkan bahawa walau setiap kesalahan itu paling kecil atau rahsia sekalipun, ianya tetap akan dibalas oleh Allah SWT. Allah SWT memberi gambaran bahawa pengaruh akhirat sangat besar,</p>

Jadual 2. (samb.)

Bil.	Prinsip Teknik Surah Lukman	Perbincangan
5.	Bimbingan menunaikan solat	dan dijelaskan bahawa ilmu Allah SWT tersangat luas yang sudah pasti menggetarkan hati manusia setiap manusia yang menjalani kehidupan di dunia ini. Di dalam ayat ini juga Allah SWT menggambarkan bahawa setiap susah payah dan pengorbanan hambaNya menuju kebaikan pasti dibalas di akhirat nanti meskipun usahanya tidak dipandang atau tidak mendapat apa-apa penghargaan semasa di dunia. Solat merupakan tiang agama yang akan menjadi benteng utama setiap manusia agar tidak terjebak ke dalam kehidupan yang memudaratkan. Walaupun sebagai manusia biasa, tidak terlepas dari melakukan kesalahan dan kesilapan tetapi dengan menunaikan solat sebaik mungkin, ia dapat mencegah manusia dari terjerumus ke lembah yang boleh membawa kepada kemurkaan Allah SWT. Melalui amalan solat, setiap individu itu dapat mencegah diri dari melakukan perbuatan mungkar, lebih bertanggungjawab untuk melakukan perbuatan baik, dan menjadikan manusia itu lebih bersabar. Penjelasan turut diberikan bahawasanya apabila mencegah perkara mungkar dan berusaha melakukan perkara yang baik, maka sudah pasti ada pihak yang tidak suka akan tindakan tersebut dan Allah SWT mengingatkan bahawa manusia perlu bersabar dalam menghadapi situasi tersebut.
6.	Larangan sompong dan membangga diri	Lukman berpesan kepada anaknya supaya jangan takabbur dan memandang hina terhadap sesama manusia dan larangan memalingkan muka ke tempat lain ketika berbicara. Menurut Hamka, sikap memalingkan muka ke tempat lain ketika bercakap akan menyebabkan perasaan orang lain tersinggung dan merasa tidak dihargai dan gambaran sesuatu perkataan tersebut tidak sempurna untuk didengar. Sikap sompong perlu dijauhi kerana ia merupakan salah satu penyakit jiwa yang boleh merosakkan manusia.
7.	Didikan cara berjalan	Cara berjalan yang disebut didalam Surah Lukman ialah secara sederhana iaitu tidak terlalu cepat dan tidak terlalu lambat iaitu dengan mengambil sikap pertengahan antara kedua-duanya (Ibnu Kathir).
8.	Sentiasa mengingati tentang pengakhiran kehidupan	Lukman Hakim menekankan kepentingan untuk menjaga akhlak dalam kehidupan dan ingat kepada pengakhiran hidup kerana semua manusia akan kembali kepada Allah SWT. Dalam hal ini, Lukman menjelaskan sekiranya ada perselisihan dengan ibu bapa tentang mempersekitukan Allah SWT, maka hendaklah menunjukkan jalan yang benar kerana kita akan kembali kepada Allah SWT apabila tiba masanya.

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah kajian tinjauan bagi menguji kesahan dan kebolehpercayaan modul yang telah dibangunkan. Untuk mendapatkan nilai kesahan berdasarkan reposn pakar penilai secara bertulis dan nilai kebolehpercayaan modul. Melibatkan pakar pelbagai bidang, pakar dipilih berdasarkan komponen keseluruhan modul. Jadual 3 menjelaskan profil panel yang menilai keesahan modul yang dibangunkan.

Jadual 3. Profil panel kesahan

Bil.	Pakar Penilai	Bidang	Institusi	Pengalaman
1.	Penilai 1	Psikologi Kaunseling	UniSHAMS	35
2.	Penilai 2	Psikologi Pendidikan	UPM	29
3.	Penilai 3	Al-Quran dan Al-Hadith	UM	32
4.	Penilai 4	Pengajian Islam	UnisZA	27
5.	Penilai 5	Syariah, Tamadun Mengikut Perspektif Al-Quran	UMP	23
6.	Penilai 6	Psikologi Islam, Kesihatan Mental	UTM	32
7.	Penilai 7	Psikologi Kaunseling	UUM	33
8.	Penilai 8	Kaunseling	IAB	27
9.	Penilai 9	Kaunseling Perspektif Islam / Kaunseling Syarie	UPSI	23
10.	Penilai 10	Pengajian Islam	UMP	22

4.1 Dapatan Kajian Kesahan Modul

Kesahan sesuatu modul yang dihasilkan penting bagi memastikan modul yang dihasilkan benar-benar dapat membantu klien bagi mencapai objektif yang ditetapkan. Mohd Majid Konting (1998) mendefinisikan kesahan sesuatu alat ukuran merujuk kepada sejauh mana alat tersebut mengukur data yang sepatutnya. Data kesahan modul ini diperolehi dengan mengedarkan boring soal selidik menggunakan Borang Kesahan Modul Kaunseling Kelompok Teknik Surah Lukman (ayat 12 hingga 19) Murid Sekolah Menengah. Jamaludin Ahmad (2002) mencipta satu soal selidik untuk menguji kesahan kandungan sesuatu modul. Jadual 4 menunjukkan dapatan pandangan dan komen daripada panel pakar terhadap kesahan keseluruhan kandungan modul yang dibangunkan.

Jadual 4. Panel pakar kesahan modul dan bidang kepakaran

Panel Pakar	Bidang	Pandangan dan Komen Panel Pakar	Penambahbaikan
Panel Pakar 1	Psikologi Kaunseling	Kenyataan fakta modul perlu rujukan yang jelas. Bahan digunakan sesuai untuk perkembangan remaja. Pendekatan yang sesuai untuk kaunseling kelompok. Masukkan rujukan sokongan. Memberi penilaian yang tinggi terhadap modul ini.	Tambah bahan rujukan ilmiah bagi menyokong teori psikologi dan kaunseling yang digunakan bagi memperkasakan pelaksanaan aktiviti dalam modul.
Panel Pakar 2	Psikologi Pendidikan	Semak penggunaan istilah akidah, kognitif, akhlak, psikomotor, afektif dan emosi. Disarankan lebih mendalam disiplin ilmu Al-Quran (Ulum Quran) dan rujuk kepada pakar bidang agama. Menggunakan teori yang lebih sesuai dan berkaitan	Merujuk pakar bidang agama bagi mendapatkan definisi yang lebih tepat istilah-istilah yang digunakan dan disesuaikan dengan pendekatan dalam aktiviti yang dijalankan dalam modul. Menjalankan semakan teori yang lebih sesuai.
Panel Pakar 3	Al-Quran dan Al-Hadith	Aspek disiplin ilmu berkaitan modul ini amat baik sekali. Boleh diaplikasikan khususnya pihak kaunselor muslim yang memiliki kemahiran kendalikan modul ini	Memperkasa modul bagi fasilitator lebih mudah untuk diaplikasikan dalam kaunseling kelompok.
Panel Pakar 4	Pengajian Islam	Mengandungi elemen-elemen sesuai dengan populasi dipilih. Mempunyai kekuatan untuk meningkatkan perubahan kendiri kumpulan sasaran.	Memperkasa dan memberi fokus terhadap perubahan kendiri kumpulan sasaran kearah perubahan sikap diri yang positif.
Panel Pakar 5	Syariah, Tamadun Mengikut Perspektif Al-Quran	Perlu ada asas tempoh masa yang digunakan untuk melaksanakan modul ini. Pelbagaikan kaedah penilaian selain daripada alat biofeedback. Sertakan kandungan pengajaran yang disebutkan dalam modul.	Membuat semakan tempoh masa yang sesuai dan praktikal bagi semua aktiviti. Pelbagaikan kaedah penilaian dengan merujuk kepada objektif kajian.
Panel Pakar 6	Psikologi Islam, Kesihatan Mental	Menepati aspek pengukuran yang dijalankan. Perlu lakukan penambahbaikan pelaksanaan bagi memenuhi matlamat pembinaan modul	Menjalankan pengukuran dengan tepat bagi memastikan matlamat pembinaan modul dapat dicapai secara menyeluruh.
Panel Pakar 7	Psikologi Kaunseling	Mencadangkan kaunseling kelompok ditukarkan kepada kaunseling kelompok berstruktur berdasarkan teknik surah Lukman (ayat 12 hingga 19)	Membuat penerokaan konsep kaunseling kelompok berstruktur dan melihat kesesuaian bagi tujuan penambahbaikan. Fokus kumpulan sasaran klien homogenus, tetapkan objektif yang sama diawal sesi, permasalahan sama, dan kaedah sesi yang terkawal.
Panel Pakar 8	Kaunseling	Satu persembahan dan cadangan kaunseling islam yang sangat bermakna. Perlu ditambah baik dari segi tempoh masa penstruktur sesi kaunseling (cadangan antara 10-35 minit sahaja). Jelaskan rasional 5 sesi sahaja bagi teknik modul ini.	Tambah baik tempoh masa penstruktur sesi. Membuaturaian teliti aktiviti dapat diselesaikan dalam 5 sesi sahaja untuk mencapai matlamat terhadap klien.

Jadual 4. (samb.)

Panel Pakar	Bidang	Pandangan dan Komen Panel Pakar	Penambahbaikan
Panel Pakar 9	Kaunseling Perspektif Islam / Kaunseling Syarie	Keseluruhan modul adalah baik dan sesuai. Masukkan kata kerja sesuai bagi setiap objektif yang boleh diukur. Masukkan falsafah setiap sesi untuk wujudkan keselarasan. Menjalankan semakan psikologi/pengetahuan terhadap klien sebelum memulakan aktiviti baru. Lampiran nota panduan bagi setiap sesi.	Tambah baik kata kerja sesuai, falsafah setiap aktiviti yang dijalankan. Memastikan klien mempunyai pengetahuan (taklimat khas) bagi semua aktiviti yang dijalankan dalam modul untuk diaplikasikan.
Panel Pakar 10	Pengajian Islam	Jelaskan aspek pengamalan ayat yang dipilih dari surah Lukman. Sediakan borang penilaian dalam bentuk observasi bagi menilai keberhasilan. Masukan peranan teori dijadikan rujukan dalam setiap aktiviti.	Huraian hikmah setiap ayat dan hubungannya dengan aktiviti yang dijalankan. Menyediakan borang observasi bagi menilai tahap keberkesanannya aktiviti yang dijalankan.

Secara keseluruhannya, panel bersetuju modul yang dibangunkan ini memenuhi kriteria bagi mencapai objektif kajian yang dijalankan. Para panel penilai juga menyarakkan beberapa penambahbaikan bagi memastikan pelaksanaan modul ini lebih efektif terhadap klien dan dapat membantu klien untuk membuat perubahan tingkah laku setelah mengikuti intervensi aktiviti-aktiviti yang dijalankan.

4.2 Kajian Kebolehpercayaan Modul

Kebolehpercayaan modul penting bagi menjelaskan sejauh mana skor-skor dalam setiap item yang digunakan adalah konsisten atau stabil apabila diuji beberapa kali. Menurut Murphy dan Davidshover (1998), kebolehpercayaan adalah konsistensi pengukuran. Kerlinger (1973) pula menegaskan kebolehpercayaan kajian mestilah menepati keesahannya berdasarkan darjah kesesuaian dan keyakinan terhadap alat pengukuran yang mempunyai ciri-ciri kestabilan, konsistensi, keramalan dan ketepatan.

Dapatan ujian kebolehpercayaan yang dilakukan berdasarkan penilaian keseluruhan yang dijalankan oleh pakar menggunakan analisis Alpha Cronbach's adalah seperti berikut:

Jadual 5. Nilai pekali Alpha Cronbach kebolehpercayaan keseluruhan modul

Modul	Nilai α
Modul Kaunseling Kelompok Berdasarkan Teknik Surah Lukman (ayat 12 hingga 19) Terhadap Murid Sekolah Menengah	0.71

Jadual 6. Nilai pekali Alpha Cronbach kebolehpercayaan sub item modul

Peringkat Utama Modul	Aktiviti Teknik Surah Lukman	Nilai α
Peringkat Pembentukan (Sesi 1)	Menepati populasi	0.62
Peringkat Transisi (Sesi 2)	Penelitian Pelaksanaan dan Pelaksanaan Aktiviti A. Bina Hubungan dan Kepercayaan B. Pelaksanaan Aktiviti Teknik Surah Lukman <ul style="list-style-type: none"> i. <i>Bersyukur dan tidak syirik kepada Allah.</i> ii. <i>Menunaikan solat, melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran.</i> iii. <i>Berbuat baik kepada ibu bapa dan keluarga.</i> iv. <i>Latihan bersabar</i> v. <i>Tidak sompong dan angkuh</i> vi. <i>Cara berjalan berhikmah</i> vii. <i>Cara bercakap berhikmah</i> viii. <i>Berfikir tentang pengakhiran hidup</i> 	0.70

Jadual 6. (samb.)

Peringkat Utama Modul	Aktiviti Teknik Surah Lukman	Nilai α
Peringkat Bekerja (Sesi 3)	Sokongan Pelaksanaan Aktiviti oleh Klien	0.57
Peringkat Penilaian Bekerja (Sesi 4)	Penilaian perubahan berkumpulan	0.74
Peringkat Penamatan (Sesi 5)	Penilaian mengubah sikap diri secara individu	0.64

Berdasarkan kajian terhadap nilai kebolehpercayaan yang dijalankan terhadap modul ini, nilai pekali Alpha Cronbach adalah baik iaitu antara nilai 0.60 hingga 0.85. Mohd Majid Konting (1993), Nunally dan Bernstein (1994) pentafsiran pekali kebolehpercayaan yang boleh diterima mengikut pengalaman penyelidikan dalam sains sosial ialah melebihi $\alpha = 0.60$. Syaharom Abdullah (1990) pula menyatakan bahawa nilai pekali kebolehpercayaan alat ukuran atau modul yang boleh diterima pakai ialah antara 0.60 hingga 0.85. Othman Mohamad (2000) turut menyatakan bahawa nilai pekali kebolehpercayaan alat ukuran atau modul yang boleh diterima pakai antara 0.65 hingga 0.85. Justeru dapatkan kajian kebolehpercayaan modul ini menunjukkan modul ini boleh diterima dan dipercayai dan boleh digunakan bagi tujuan intervensi kaunseling kelompok di sekolah menengah.

5.0 PERBINCANGAN

Kajian ini merupakan satu usaha dan inisiatif baru bagi membantu murid sekolah menengah membuat perubahan tingkah laku positif secara lebih berkesan. Kajian ini bertujuan untuk membina dan membangunkan Modul Kaunseling Kelompok Berdasarkan Teknik Surah Lukman (ayat 12 hingga 19) terhadap murid sekolah menengah. Modul ini sangat penting kerana menggabungkan elemen-elemen pendidikan agama yang terdapat didalam Al-Quran, fisiologi dan psikologi sebagai teras utama ke arah merangka satu intervensi untuk membantu murid membuat perubahan tingkah laku positif. Usaha ini penting dalam menghadapi cabaran untuk membantu perkembangan individu melalui sokongan aktiviti yang telah disusun secara terperinci dan diaplakisikan dalam sesi kaunseling kelompok. Keperluan penggunaan elemen agama telah diiktiraf oleh American Psychological Association (APA) dan America Counselling Association (ACA) berkenaan penggunaan agama sebagai elemen penting terhadap sumbangan perkembangan kefungsian manusia. APA juga telah mengiktiraf religiositi pada bahagian ke 36 sebagai salah satu bahagian psikologi yang diiktiraf (APA 2011).

Rasional aplikasi ini terhadap intervensi dalam sesi kaunseling kelompok adalah kerana perkhidmatan kaunseling kelompok merupakan satu proses menolong atau sesi kaunseling yang dikendalikan oleh kaunselor terlatih. Di sekolah menengah, perkhidmatan sesi kaunseling dijalankan oleh Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM) yang dilantik khas oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Menurut Gultekin, Erkan, Zeynep & Tuzunturk (2011), kaunseling kelompok merupakan pelaksanaan sesi kaunseling yang dikendalikan oleh kaunselor terlatih dan dihadiri oleh beberapa orang ahli kelompok. Gladding (2008) pula menjelaskan, perkongsian pengalaman ahli yang berlaku hasil dari perhubungan sesama ahli dapat menjadi inspirasi atau jalan keluar terhadap isu peribadi, sosial ataupun kerjaya yang dihadapi oleh ahli kelompok lain. Secara keseluruhan, hasil analisis dapatkan kajian menunjukkan kesahan dan kebolehpercayaan terhadap pembinaan modul ini mempunyai nilai pekali yang boleh diterima dan mendapat sokongan yang sangat baik daripada 10 panel pakar penilai yang telah membuat penilaian secara keseluruhan terhadap modul ini.

6.0 PENGHARGAAN

Terima kasih kepada panel pakar yang terlibat dalam menilai keesahan modul ini. Juga kepada Kementerian Pendidikan Malaysia kerana membiayai yuran pengajian untuk kajian ini

7.0 KEWANGAN

Kajian ini mendapat sokongan Kementerian Pendidikan Malaysia yang menaja yuran pengajian. Kos pelaksanaan kajian tidak menggunakan dana dari mana mana sumber.

8.0 KONFLIK KEPENTINGAN

Kajian ini tidak melibatkan kepentingan mana mana pihak dan tiada kepentingan peribadi dan apa apa bentuk manfaat antara penulis dengan mana mana pihak untuk menghasilkan kajian ini.

9.0 RUJUKAN

Abd. Razak Zakaria. (2011). *Hubungan konteks keluarga dengan penglibatan ibu bapa dan pencapaian akademik anak-anak di sekolah menengah*. Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

- Abdul Halim Othman. (2000). *Kaunseling untuk kesejahteraan insan: Satu pengalaman di Malaysia*, edisi ke 3. Dipersembahkan sebagai pidato Inaugural Profesor Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu.
- Abdul Latiff Md. Ali. (2000). *Kaunseling dalam pendidikan menengah. Dalam Abd. Halim Othman (Penyt.), Kaunseling dalam pendidikan menengah (kumpulan esej)* (hh.19-27). Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Abdul Malek Abdul Rahman. (2009). *Merealisasikan permuafakatan bimbingan dan kaunseling dan disiplin*. Dalam Saporah Sipon, Abd. Halim Mohd Hussin, Zuria Mahmud, & Rusnani Abdul Kadir (Penyt.), *Isu-isu kaunseling di Malaysia* (hh. 55- 61). Kuala Lumpur: Persatuan Kaunseling Malaysia.
- Alwi, N., & Shaari, A. (2017). Kesahan dan kebolehpercayaan intervensi Modul Kaunseling Rasional Emosi Tingkah Laku. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 20, 63–75.
- Amir Awang. (2006, Ogos). *Mengapa remaja hari ini terbabas*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Kecelaruan Nilai dan Identiti Remaja, Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Amir Awang. (2016). *Kaunseling Konvensional dan Kaunseling Islam: Kajian Perbandingan*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar SHARP Universiti Malaysia Sabah (UMS).
- Arifin Mamat & Adnan Abd Rashid. (2013). Aplikasi nilai-nilai murni berlandaskan tema Luqman al-Hakim di dalam Al-Quran sebagai asas pendidikan. *Sosiohumanika*, 6(2), 133–142.
- Asmawati Desa, Getrude Cosmas, Mariny Abdul Ghani, & Siti Rozaina Kamsani. (2015). *Pengantar Psikologi*. Cetakan Pertama. Subang Jaya: SJ Learning.
- Awang, A. (1987). Kaunseling kelompok dalam peningkatan personaliti*. *The Asia Pacific Journal of Educators and Education (Formerly Known as Journal of Educators and Education)*, 9(1), 1–9.
- Azizi Yahaya, Halimah Ma’alip, & Mohamad Hasan Omar (2011). Permasalahan yang mempengaruhi pembelajaran dan pencapaian akademik pelajar bumiputra (Tingkatan 4) di Sekolah Menengah Teknik di Johor Bahru. *Journal of Educational and Counseling*, 2, 1-27.
- Azizi Yahya, & Rohaya Ahmad. (2010). *Faktor-faktor penyebab masalah disiplin di sekolah*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Fadilah Zaini, & Maisarah Ishak. (2006). *Peranan kaunselor dalam pembangunan pelajar: kajian kes terhadap kaunseling kelompok di Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (KUKTEM), Kuantan, Pahang*. National Student Development Conference (NASDEC) 2006, 8-9 August 2006, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Fauziah, M. S., Mohd Noor, I., Norazani, A., Nurul ’Ain, M. Daud, & Hapsah, M. Y. (2014). *Keberkesanan kaunseling kelompok pendekatan pemusatan insan dan pendekatan psikologi kognitif Ad-Din ke atas konsep kendiri remaja hamil luar nikah*. In: International Counseling Conference and Work, 13-15 Sep 2014, Medan. 104–116.
- Ismail, S., Mohammad Rasit, R., & Aini, Z. (2019). Mesej Komunikasi Keluarga dalam Surah Luqman: Family Communication Messages in Surah Luqman. *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)*, 6(1), 201-213.
- Jamaludin Ahmad, Sidek Mohd Noah, Rusnani Abd Kadir, & Shamsuddin Ahmad. (2005). *Keberkesanan modul Program Maju Diri ke atas motivasi pencapaian di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah Negeri Selangor*. Seminar Penyelidikan Pendidikan MPBL 2005.
- Jamaludin Ahmad, Nurul Fatin Muhamad Arsal, & Safuddin Kumar Abdullah. (2009). The validity of group guidance motivation module for secondary school students. *European Journal of Social Science*, 10(3), 343-348.
- Johan, O. M., & Roslan, N. M. (2010). *Faktor-faktor yang mempengaruhi remaja terlibat dalam masalah sosial di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka* (tidak diterbitkan). Universiti Teknologi Malaysia.
- Jusoh, A. J. et al. (July 2015). Kesan kaunseling kelompok penyesuaian remaja terhadap resilien dalam kalangan remaja berisiko mengambil dadah. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*. 8(Edisi Khas 2015), 88-104.
- Katutu, A., & Usman, A. H. (2015). Lukman Al Hakim Messages: A theoretical model on how to teach in modern era. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, (December 2015).
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. (2019). *Laporan statistik JKM 2018*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Laporan Tahunan 2018 Bahagian Pengurusan Sekolah Harian*. Kementerian Pendidikan Malaysia, 84. Retrieved from <https://www.moe.gov.my/muat-turun/laporan-dan-statistik/2615-laporan-tahunan-2018-bpsh/file>
- Maziah Syafiqah Mat Tob, & Muhammah Ajib Abd Razak. (2017). Persepsi remaja berisiko terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di pusat pemulihan. *Jurnal Psikologi Dan Kaunseling*, 8, 61–84. Retrieved from <https://www.moe.gov.my/muat-turun/penerbitan-dan-jurnal/penyelidikan/1360-jurnal7/file>
- Mazni Mustapha. (2007). Memahami konsep berisiko dalam kalangan remaja. *Buletin Psikologi*, 11. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Mohamad S.M.A.A.S & Mohammad, Z. (2015). Using expressive art therapy in the healing process of delinquent adolescents. *International Journal of Humanities and Social Sciences (IJHSS)*, 4(2).

- Mohamad, S. M. A. A. S., & Mohamad, Z. (2014). The use of expressive arts therapy in understanding psychological issues of juvenile delinquency. *Asian Social Science Journal*, 10(9).
- Muhammad Ridzuan Bin Zakaria. (2017). *Pembentukan sahsiah anak soleh berdasarkan surah Luqman di Sekolah Rendah Islam Hidayah*. Tesis Universiti Teknologi Malaysia, 53(9).
- Nubli, A. W. M., & Rahman, A. A. (2015). A study on the effects of breathing cycle training technique together with dzikr recitation towards achievement of students' HRV. *International Journal of Computer Applications*. 114(17), 8-14.
- Nubli, W., Vitasari, P., Herawan, T. & Sinnadurai, S. K. (2011). Representation of social anxiety among engineering students. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 30, 620 – 624.
- Nurhadia Fitri, M. I. (2019). Nilai Pendidikan Islam dalam Qur'an Surah Luqman Ayat 1-19: Tinjauan Kognitif, Afektif, dan Psikomotorik. *Al-Musannif*, 1(1), 32–46.
- Salam, U. B., Nubli, M., & Wahab, A. (2012). *Drug addiction intervention for adolescents with religious spirituality and biofeedback*. Proceedings of 3rd International Conference on Behavioral, Cognitive and Psychological Sciences.
- Sipon, S. (2002). *Gejala Sosial dalam Kalangan Pelajar dan Keperluan Pendidikan Bimbingan dan Kaunseling*. Seminar Halatjuu Kaunseling di Malaysia. Kuala Lumpur.
- Sarwari, A. Q., & Abdul Wahab, M. N. (2016). The role of postgraduate international students in the process of internationalization of higher education. *Journal of Education Studies*, 4 (1), 28-45.
- Sarwari, A. Q., Abdul Wahab, M. N., Ibrahim, A., & Abdul Aziz, N. A. (2016). The impact of English language proficiency on interpersonal interactions among students from different nationalities in a Malaysian Public University. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 24 (1), 415-528.
- Sarwari, A. Q., Abdul Wahab, M. N., & Abdul Aziz, N. A. (2016). Evaluation of the characteristics of interpersonal communication among postgraduate students at a Malaysian Public University. *Journal of Language & Communication* (UPM). 3(1), 13-21.
- Sarwari, A. Q., & Abdul Wahab, M. N. (2016). The relationship between english language proficiency and intercultural communication competence among international students in a Malaysian Public University. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 5, 1-9.
- Senik, M. R., Abdul Wahab, M. N. & Zamani, M. (2013). *The study of heart rate variability (HRV) biofeedback through zikir (Islamic recitation) of high school students*. Proceedings of Malaysian Technical Universities Conference on Engineering & Technology (MUCET).
- Shahidah Hamzah (2017). *Penggunaan teknik bio maklumbalas bagi mengukur ciri-ciri disiplin dan tanggungjawab dalam kalangan mahasiswa* (Tesis). Universiti Malaysia Pahang.
- Sipon, S. (2011). Perbandingan kaunseling kelompok berorientasikan teori sekular dengan kaunseling kelompok pendekatan Islam dalam peningkatan sokongan sosial guru. *Jurnal 'Abqari*, 1(iv), 51–80.
- Sutarto, A.P. & Nubli, A.W. (2008). *The use biofeedback for enhancing cognitive performance in industrial training setting*. Proceeding of National Conference on Skilll and Competencies in Education (NSCCE) USM, Penang, Malaysia.
- Taip, A., & Abdul Halim, O. (2009). Kes Perkhidmatan kaunseling di Universiti Kebangsaan Malaysia Pendahuluan. *Jurnal Personalia Pelajar*, 12(June), 1–17.
- Zainal Khalim. (2008). Memahami tingkah laku remaja bermasalah dari perspektif Teori Tingkah Laku, Humanistik, Psikoanalitik & Tret Personaliti. *Jurnal Pengajian Umum*, 9, 43–56.
- Zakariya, K., Abdullah, S. B., & Abdul Hamid, M. S. Bin. (2013). Methods on moral development of teenagers by Luqman Al-Hakim: Application in religious school programs. *Journal of Education and Learning (EduLearn)*, 7(2), 75.
- Zakaria Stapa, Noranizah Yusuf & Abdul Fatah Shaharudin (2012). Pendidikan menurut Al-Quran dan Sunnah. *Jurnal Hadhari Special Edition*, Halaman: 7–22.
- Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail & Noranizah Yusuf (2012). Faktor persekitaran sosial dan hubungannya dengan pembentukkan jati diri. *Jurnal Hadhari Special Edition*. Halaman: 155–172.
- Zakaria Stapa, Noranizah Yusuf & Abdul Fatah Shaharudin (2012). Islam asas pembentukan jati diri bangsa Melayu-Muslim. *Jurnal Hadhari Special Edition*. Halaman: 129-141.